

## PERATURAN ~ PERATURAN AM SEKOLAH

### A. KURIKULUM

#### 1 UMUM

- 1.1 Semua guru mestilah hadir ke sekolah sekurang-kurangnya lima minit sebelum loceng dibunyikan kecuali ada sebab yang tidak dapat dielakkan pada hari-hari persediaan.
- 1.2 Semua guru dikehendaki menandatangani buku kedatangan sekolah pada tiap-tiap hari persekolahan.
- 1.3 Guru-guru yang tidak dapat bertugas mengajar dikehendaki memberitahu sebab-sebab dia tidak dapat hadir pada hari itu melalui surat.
- 1.4 Surat akuan doktor / sijil sakit mestilah sampai kepada Guru Besar selewat-lewatnya pada hari berikutnya.
- 1.5 Guru-guru yang ingin keluar atau meninggalkan sekolah semasa hari atau waktu persekolahan atas urusan yang sangat penting hendaklah memberitahu Guru Besar.
- 1.6 Guru-guru mesti hadir masa kegiatan luar yang ditetapkan baginya bertugas atau pada lain masa apabila diarahkan oleh Guru Besar atau Penolong Kanan atau mana-mana guru yang diberi kuasa mewakili Guru Besar.
- 1.7 Seseorang guru harus bersedia 5 minit sebelum pelajaran yang berikutnya dimulakan apabila ia mempunyai masa lapang sebelumnya.
- 1.8 Semua guru dikehendaki menepati masa untuk semua kegiatan atau aktiviti rasmi sekolah.
- 1.9 Setiap guru hendaklah memahami dan mengamalkan tatasusila profesion Perguruan Malaysia.
- 1.10 Setiap guru adalah bertanggungjawab untuk menjaga disiplin murid dan nama baik sekolah.

#### 2 PERHIMPUNAN SEKOLAH

- 2.1 Semasa perhimpunan guru-guru dikehendaki berdiri berhadapan dengan murid-murid.
- 2.2 Guru-guru lelaki dikehendaki memakai tali leher. Semua guru mestilah berpakaian kemas.
- 2.3 Guru-guru diwajibkan untuk menghadiri perhimpunan.
- 2.4 Guru-guru digalakkan memberi perhatian yang penuh pada mana-mana guru, Penolong Kanan dan Guru Besar semasa berucap dalam perhimpunan.

### 3 BUKU REKOD MENGAJAR

- 3.1 Buku Rekod Mengajar hendaklah dihantar kepada Guru Besar dan Penolong Kanan 1 awal pagi hari Isnin untuk pemeriksaan dan ditandatangani.
- 3.2 Buku Rekod Mengajar mestilah berada dalam keadaan yang kemas kini dalam semua aspek.

### 4 UJIAN / PENILAIAN

- 4.1 Penilaian formal ialah untuk pertengahan penggal ( semester ) dan akhir penggal dan Penilaian Percubaan UPSR. Selain daripada itu guru-guru digalakkan memberi ujian bulanan.
- 4.2 Buku Kemajuan Murid hendaklah diisi dengan markah/gred ujian/penilaian dan diberi kepada murid-murid untuk diteliti dan ditandatangani oleh ibu bapa atau penjaga mereka. Buku Kemajuan Murid hendaklah disimpan semula oleh guru kelas untuk lebih selamat.
- 4.3 Senarai keputusan ujian / penilaian hendaklah disediakan dalam 3 salinan. Satu salinan untuk Guru Besar, satu salinan untuk bilik kelas dan satu salinan lagi rujukan guru kelas.

### 5 LARANGAN SEMASA MENGAJAR

- 5.1 Guru-guru tidak seharusnya memeriksa buku rampaian, buku latihan dan kertas ujian dalam kelas iaitu semasa sesi pengajaran dalam kelas ( waktu mengajar ).
- 5.2 Guru juga tidak seharusnya mengisi markah ujian dalam buku kemajuan, Buku Rekod Mengajar dan kertas markah semasa berada di dalam kelas kerana sepatutnya kelas mesti ada proses pengajaran.
- 5.3 Guru tidak dibenarkan membaca majalah, surat khabar, novel atau mana-mana bahan yang tidak berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.
- 5.4 Guru tidak dibenarkan menghukum murid dengan secara keterlaluan seperti menampar atau sehingga mendera murid berkenaan. Selain daripada itu guru juga seharusnya tidak mengeluarkan kata-kata yang kesat semasa berada di dalam kelas.

### 6 MASA LAPANG GURU

- 6.1 Masa lapang guru seharusnya digunakan dengan baik iaitu dengan menyediakan alat bantuan mengajar, menyemak buku latihan murid, membuat persediaan, memeriksa atau menyediakan ujian, merekod markah dan sebagainya.
- 6.2 Guru-guru tidak dibenarkan meninggalkan sekolah bila ada masa lapang sehingga waktu mengajar tamat.

## 7 BERTUGAS SEMASA CUTI PENGGAL ( SEMESTER ) PERSEKOLAHAN

7.1 Guru-guru akan dipanggil untuk bertugas mengikut giliran semasa cuti penggal persekolahan iaitu menjaga keselamatan sekolah semasa Guru Besar bercuti.

### B. DISIPLIN DAN SOSIAL

- 1 Murid-murid hendaklah masuk kelas lima minit sebelum masa pertama bermula.
- 2 Tiap-tiap murid hendaklah duduk di tempat sendiri, senyap dan bersedia untuk belajar semasa menunggu guru memulakan pelajaran.
- 3 Murid-murid tidak dibenarkan bertukar tempat duduk kecuali atas arahan guru kelas atau guru mata pelajaran.
- 4 Murid-murid mesti lengkap dengan buku-buku dan alat-alat tulis untuk memudahkan pengajaran dan pembelajaran.
- 5 Murid-murid mesti meminta izin untuk keluar atau masuk kelas semasa waktu belajar.
- 6 Murid-murid dilarang keras merokok, menghidu gam, minum minuman keras dan menagih dadah.
- 7 Murid-murid dilarang keras berlari, berteriak, mengganggu kawan, membuat bising dan bermain semasa berada dalam bilik darjah.
- 8 Murid-murid dinasihatkan agar menyerahkan barang-barang yang dijumpai di kawasan sekolah kepada guru atau Guru Besar, seandainya barang tersebut bukan hak miliknya.
- 9 Murid-murid tidak dibenarkan membuang sampah, sisa makanan dan apa sahaja jenis bungkus atau kertas sebarangan atau di persekitaran kawasan sekolah atau di dalam bilik darjah.
- 10 Semua buku teks, buku latihan dan buku nota hendaklah dijaga dengan baik, sentiasa elok, kemas dan baik.
- 11 Setiap kerja yang diberi oleh guru hendaklah dibuat dengan teliti dan dihantar pada waktu yang ditetapkan.
- 12 Sesiapa saja murid yang didapati merosakkan, menghilangkan buku yang dipinjam dari perpustakaan atau buku teks secara sengaja atau tidak, dikehendaki mengganti atau membayar buku tersebut.
- 13 Murid-murid lelaki dan perempuan tidak dibenarkan bergaul terlalu bebas.
- 14 Murid-murid mesti bertatasusila seperti berdiri dan memberi hormat kepada guru, kakitangan sekolah, pegawai dan pelawat yang masuk ke bilik darjah.

- 15 Sentiasa bersopan-santun, hormat-menghormati, rajin, jujur, ikhlas, adil, bekerjasama, tolong-menolong, belas kasihan atau sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni dalam dirinya.
- 16 Murid-murid mestilah sentiasa ingin memajukan diri sendiri dan bercita-cita tinggi dan belajar bersungguh-sungguh tanpa mengabaikan masa.
- 17 Sentiasa berpakaian kemas, bersih dan lengkap dengan tanda nama dan lencana.
- 18 Pihak guru pula hendaklah mesra dengan rakan sejawat serta melayan murid-murid dengan penuh rasa bertanggungjawab.
- 19 Hubungan mesra dan baik harus dipupuk antara kakitangan sekolah dengan masyarakat luar mahupun warga sekolah itu sendiri.
- 20 Mengelakkan daripada menggunakan atau dipengaruhi oleh kedudukan sosial dan ekonomi ibu bapa murid.
- 21 Mengelakkan murid dari mengeluarkan kata-kata atau melakukan sesuatu yang boleh menjejaskan kepercayaan murid terhadap ibu bapa atau penjaga mereka.
- 22 Mengelakkan diri daripada menyebarkan sesuatu ajaran yang boleh merosakkan kepentingan pelajar, masyarakat atau negara mahupun bertentangan daripada Rukun Negara.
- 23 Menyelesaikan masalah atau persengketaan di antara guru atau kakitangan sekolah di peringkat sekolah.
- 24 Guru-guru lelaki / perempuan tidak dibenarkan terlalu rapat atau menunjukkan kemesraan yang berlebihan terhadap murid-murid perempuan atau lelaki melainkan dengan keadaan yang manasabah.

C. KESIHATAN DAN KEBERSIHAN

- 1 Murid-murid mestilah berpakaian seragam yang lengkap semasa waktu pembelajaran.
- 2 Mempastikan kebersihan murid dari segi fizikal dan mental.
- 3 Memastikan setiap kelas bersih dan kemas.
- 4 Memastikan persekitaran kawasan sekolah bersih daripada kekotoran.
- 5 Murid-murid yang sakit perlu berjumpa dengan mana-mana guru semasa sesi persekolahan dan perlu berjumpa dengan waden pada sebelah petang atau malam untuk tindakan lanjut.
- 6 Tidak boleh bermain tanpa kebenaran / pengawasan guru.
- 7 Membersih tangan sebelum dan selepas makan.

- 8 Pakai selipar bila ke tandas dan bersihkan tandas selepas diguna.
- 9 Sikat rambut sebelum pergi ke sekolah, berambut kemas.
- 10 Memberus gigi selepas bangun tidur dan makan dan menggunakan sabun apabila mandi.
- 11 Pakaian yang basah hendaklah disidai di tempat yang telah disediakan ( untuk murid asrama ).
- 12 Membuang sampah di tempat yang telah ditetapkan.
- 13 Guru lelaki tidak dibenarkan berambut panjang.

D. KESELAMATAN MURID

1 DALAM KAWASAN SEKOLAH

- 1.1 Tidak dibenarkan membawa benda-benda tajam atau yang membahaya ke dalam kawasan sekolah.
- 1.2 Tidak dibenarkan memakai barang-barang kemas.
- 1.3 Tidak dibenarkan menggunakan basikal di dalam kawasan sekolah.
- 1.4 Tidak boleh bermain pada hari hujan atau di tengah hari masa panas terik.
- 1.5 Tidak boleh terjun semasa mandi di sungai.
- 1.6 Tidak dibenar keluar dari kawasan sekolah anpa kebenaran guru.
- 1.7 Murid-murid yang terkena penyakit berjangkit tidak dibenarkab hadir ke sekolah dengan kebenaran guru.
- 1.8 Tidak dibenarkan menggunakan lilin atau pelita dan ubat nyamuk semasa di asrama.
- 1.9 Tidak dibenar bermain dengan suiz elektrik yang ada di dinding~dinding.
- 1.10 Tidak dibenar merayau~rayau di kawasan sekolah pada waktu belajar malam.
- 1.11 Tidak dibenarkan bermain di dalam kelas.
- 1.12 Tidak dibenar memanjat pokok~pokok di kawasan sekolah.
- 1.13 Tidak dibenarkan bermain dan memancing di kolam.
- 1.14 Tidak dibenar berlari~lari di beranda ( koridor ) bangunan sekolah.
- 1.15 Tidak dibenar mengambil minyak tanah dan perkakas berkebum tanpa kebenaran guru.

E. KECERIAAN SEKOLAH

- 1 Tidak dibenarkan menconteng dinding sama ada di dalam dan di luar bangunan sekolah.
- 2 Tidak dibenarkan memetik dan merosakkan pokok-pokok bunga.
- 3 Memungut daun-daun kering dan sampah sepanjang masa.
- 4 Membuang sampah dalam tong sampah dan di kawasan pembuangan sampah.
- 5 Mencuci longkang dan tandas setiap hari.
- 6 Murid tidak dibenarkan merosak sebarang harta benda sekolah dan jika didapati berbuat demikian murid berkenaan hendaklah menggantikan barang yang telah dirosakkan itu.
- 7 Memakai pakaian seragam sekolah setiap hari persekolahan dan seelok-eloknya menggunakan sarung kaki dan kasut yang berwarna putih.
- 8 Pelajar lelaki tidak dibenarkan berambut panjang.
- 9 Pelajar perempuan yang berambut panjang digalakkan mengikat rambut dengan pengikat rambut atau skarf supaya kelihatan kemas.
- 10 Pengikat rambut ( skarf ) berwarna biru atau hitam sahaja yang digalakkan.
- 11 Murid digalakkan menceriakan bilik darjah masing-masing.
- 12 Murid diwajibkan menggunakan tanda nama yang berencana sekolah pada setiap hari persekolahan terutamanya semasa waktu pembelajaran. Murid yang melanggar peraturan ini akan didenda 20 sen sehari.
- 14 Guru diwajibkan berpakaian kemas sepanjang masa, semasa mengajar serta tidak menjolok Mata bagi guru perempuan. Manakala pakaian guru lelaki hendaklah dimasukkan ke dalam Seluar ( tuck ~ in ).
- 15 Guru lelaki tidak dibenarkan berambut panjang.
- 16 Guru seharusnya berpakaian yang sesuai untuk mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan berpakaian formal selepas waktu rehat.
- 17 Guru perempuan tidak dibenarkan menggunakan kasut bertumit tinggi ( tiga inci ) dan tidak dibenarkan menggunakan kasut berbentuk selipar.
- 18 Guru digalakkan menceriakan meja tulis mereka sendiri dan bilik guru.
- 19 Guru sentiasa mengawas keceriaan sekolah.
- 20

